

SIRI TANAH AIRKU

**SELANGOR  
DARUL EHSAN**

oleh Suraya



**P****H** PENERBITAN HARTAMAS

PENERBITAN HARTAMAS  
23, Jalan 3/57B, Off Jalan Segambut Bawah,  
Segambut,  
52100 Kuala Lumpur.

© PENERBITAN HARTAMAS  
Cetakan pertama 1995.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Suraya

Selangor Darul Ehsan / Suraya.

(Siri tanah air ku)

ISBN 983-034-063-5 (set).

ISBN 983-034-066-X

1. Selangor - - History. 2. Selangor - - Economic conditions.

3. Selangor - - Social conditions. 4. Selangor - - Social life  
and customs. 5. Selangor - - Description and travel.

I. Judul. II Siri.

959.5115

APB 740412

03 MAY 1996

NASKHAT PEMERINTAHAN  
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

in  
959.5115  
Sur

**HAKCIPTA TERPELIHARA.** Tiada bahagian buku ini boleh  
diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran, ditukarkan ke dalam apa  
bentuk sekalipun, samada secara elektronik, mekanikal, penggambaran  
semula, perakaman ataupun sebaliknya, tanpa izin terlebih dahulu dari  
PENERBITAN HARTAMAS.

Dicetak di Malaysia oleh: Cetaktama Sdn. Bhd.  
B4-09 K. L. Industrial Park, # 653, 5th. Mile Klang Road,  
58200 Kuala Lumpur.

## PRAKATA

‘Siri Tanah Airku’ memberi maklumat terperinci tentang setiap buah negeri di Malaysia. Siri ini sesuai sebagai sumber rujukan tambahan para pelajar Tahap Dua sekolah rendah dan sekolah menengah rendah untuk mata pelajaran **Kajian Tempatan**.

*Maklumat-maklumat disusun bermula daripada:*

- Profil Umum dan Kedudukan Fizikal
- Lintasan Sejarah
- Kegiatan Ekonomi dan Pentadbiran
- Keindahan Negeri
- Ciri-ciri Seni Budaya

Setiap negeri disertakan dengan gelaran masing-masing, manakala tajuk Malaysia menyimpulkan maklumat bagi semua negeri secara menyeluruh.

Kami berkeyakinan buku ini dapat memberi manfaat dan pengetahuan tambahan kepada generasi muda untuk mengenali negeri-negeri dan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum secara lebih dekat.

Selamat membaca!

## PENERBIT

## Bendera Negeri Selangor Darul Ehsan



**E**mpat bahagian yang berwarna kuning dan merah itu maksudnya daging dan darah iaitu unsur-unsur yang perlu untuk memberi jiwa dan tenaga kepada negeri ini. Bulan bintang pula ialah sebagai Agama Islam, agama rasmi negeri dan kesucian Agama Islam ditunjukkan dengan warna putih.

## Lambang Negeri Selangor Darul Ehsan



**A**nak bulan dan bintang tanda Agama Islam, agama negeri. Tombak merah di tengah-tengah ialah Sambu-warna. Di sebelah kanan ialah Keris Pendek dan di kiri pula Keris Panjang. Ketiga-tiganya adalah Alat Kebesaran Negeri. Tulisan jawi yang herbunyi "Dipelihara Allah" ialah cogan negeri. Di bawah cogan pula ialah tali bengkong yang dipakai sebagai ikat pinggang oleh pahlawan-pahlawan zaman dahulu.

## Profil Umum dan Kedudukan Fizikal

 Selangor Darul Ehsan terletak di bahagian barat Semenanjung Malaysia. Selangor bersempadan dengan negeri Perak Darul Ridzuan di sebelah utara dan Negeri Sembilan di sebelah selatan. Negeri Selangor dan Perak dipisahkan oleh Sungai Bernam, manakala bahagian sempadan dengan Negeri Sembilan dipisahkan oleh Sungai Sepang. Banjaran Gunung Titiwangsa yang terbentang luas di sebelah timur memisahkan Selangor dengan negeri Pahang.

 Kedudukan Selangor adalah istimewa daripada negeri-negeri lain di Malaysia kerana pusat pemerintahan Malaysia terletak di tengah-tengah negeri ini. Kota Darul Ehsan yang merentangi Lebuh raya Kuala Lumpur-Klang menjadi sempadan antara Selangor dengan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Luas negeri Selangor ialah 8190 kilometer persegi dan terbahagi kepada sem-

bilan daerah iaitu Gombak, Klang, Kuala Selangor, Kuala Langat, Petaling, Sabak Bernam, Ulu Langat dan Ulu Selangor. Sungai yang terpanjang di negeri Selangor adalah Sungai Selangor.

Kedudukan dan peranan negeri Selangor sejak dahulu lagi telah menjadikan negeri ini sebagai negeri yang pertama dimajukan di Malaysia. Kawasan yang pertama dimajukan ialah Petaling Jaya. Sektor perindustrian merupakan kegiatan ekonomi terpenting bagi negeri Selangor. Terdapat banyak kawasan perindustrian yang telah dibuka di Selangor. Antara kawasan-kawasan itu ialah Shah Alam, Petaling Jaya, Pelabuhan Klang, Cheras dan Bandar Baru Bangi. Sektor perindustrian yang begitu pesat melibatkan industri ringan seperti membuat makanan sehingga kepada industri berat seperti membuat kereta dan lain-lain.

Bandar-bandar utama yang me-





rupukan nadi kepada pembangunan negeri ini adalah Petaling Jaya, Shah Alam, Subang Jaya, Klang, Pelabuhan Klang dan Bandar Baru Bangi. Petaling Jaya merupakan kawasan perindustrian termaju di Malaysia. Ini sekaligus menggalakkan pembangunan kawasan perumahan moden untuk menampung keperluan pekerja-pekerja yang berhijrah ke sini.

Subang Jaya pula adalah sebuah bandar yang dibuka berhampiran dengan Petaling Jaya. Ini kerana kawasan sekitar Petaling Jaya begitu pesat membangun. Subang Jaya merupakan kawasan perumahan yang luas dan serba moden. Kawasan ini dilengkapi dengan kompleks membeli-belah yang termoden, taman rekreasi, hotel bertaraf antarabangsa dan kemudahan dan perkhidmatan moden yang lain. Subang Parade yang terletak di Subang Jaya merupakan kompleks membeli-belah yang terpanjang di Asia Tenggara.

Bandar Baru Bangi merupakan pusat perkembangan ilmu dan teknologi sains. Kebanyakan pusat pengajian tinggi terdapat di sini. Antara pusat-pusat pengajian tinggi ialah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), dan beberapa institusi-institusi lain yang menjadi pusat latihan bagi Tenaga Nasional Berhad (TNB), Jabatan Kerja Raya (JKR), Bank Bumiputera dan Petronas.

Pembangunan bandar Klang hampir sama pesat dengan Shah Alam. Kawasan perumahan yang banyak terdapat di sekitar bandar ini sekurang-kurangnya dapat membantu membendung masalah perumahan bagi pekerja-pekerja di kawasan sekitar bandar Klang dan Shah Alam. Pelabuhan Klang adalah pelabuhan penting. Pelabuhan ini bukan sahaja penting kepada negeri Selangor tetapi juga bagi Malaysia keseluruhannya.

Tidaklah diketahui dengan tepat bila sejarah pembukaan negeri Selangor



## Lintasan Sejarah



bermula. Berdasarkan kepada beberapa peristiwa seperti terjumpanya bahan-bahan purba di Klang dan bekas sejarah Kota Lukut, adalah dipercayai bahawa negeri Selangor telah wujud pada abad yang keempat belas.

Mengikut catatan sejarah, orang Bugis telah mengasaskan kerajaan beraja bagi negeri Selangor. Pada abad kelapan belas, lima orang anak Raja Bugis iaitu Daeng Parani, Daeng Menambun, Daeng Merewah, Daeng Chelak (atau Daeng Pali) dan Daeng Kemasi telah datang ke Tanah Melayu. Kemudian mereka campur tangan dalam pemerintahan negeri-negeri Melayu di Semenanjung dan Riau.

Pada tahun 1721, Daeng Parani telah mengalahkan Raja Kecil di Riau. Kemudian beliau mencari kekuatan di Selangor kerana terdapat ramai orang Bugis yang berniaga di Selangor. Mereka telah membantu anak raja Bugis tersebut

dan mengalahkan pihak lawan.

Sultan Selangor yang pertama adalah Raja Lumu yang bergelar Sultan Salehuddin. Beliau memerintah kira-kira 22 tahun iaitu bermula dari 1756 hingga 1778. Sultan Salehuddin adalah putera kepada Daeng Chelak dan saudara kepada Raja Haji iaitu seorang Raja Bugis yang masyhur.

Putera Sultan Salehuddin yang bernama Sultan Ibrahim Shah kemudian menggantikan tempat ayahandanya dan menjadi Sultan Selangor yang kedua. Baginda telah berkahwin dengan sepupu baginda sendiri iaitu puteri kepada Raja Haji. Pada tahun 1784 angkatan Belanda dari Melaka telah menyerang Selangor. Ini berpunca daripada Sultan Ibrahim yang telah membantu Raja Haji menyerang Belanda di Melaka.

Pada 2 Ogos 1784, Belanda dapat menawan Selangor. Sultan Ibrahim





milarikan diri ke Bernam dan menuju ke Pahang. Pihak Belanda kemudian melantik Raja Muhammad iaitu cucu kepada Raja Kecil Siak sebagai Sultan. Bagaimanapun, baginda telah milarikan diri tidak lama selepas itu.

Sultan Ibrahim kemudian meminta pertolongan Bendahara Pahang untuk menghalau Belanda dari Selangor pada tahun 1785. Walaupun baginda berjaya pada kali pertama tetapi pihak Belanda kemudiannya telah menyerang Selangor dengan cara mengepung pintu masuk ke negeri ini. Dengan ini penduduk Selangor tidak dapat menjalankan perdagangan dengan negeri-negeri luar. Akhirnya Belanda dan Selangor membuat perjanjian damai dan persetiaan perniagaan.

Apabila Sultan Ibrahim mangkat, Raja Muhammad telah dilantik menjadi Sultan Selangor ketiga. Baginda kemudian menggunakan nama Sultan Muhammad Shah. Semasa pemerintahan baginda

banyak kekecohan telah terjadi seperti rompakan dan rampasan kuasa. Ketika itu orang Cina telah berhijrah ke Selangor kerana terdapat banyak bijih timah di Selangor. Ini menjadikan penduduk Selangor semakin bertambah.

Sultan Muhammad Shah mempunyai tiga orang putera yang sering bersengketa untuk merebut gelaran Raja Muda Selangor. Ini kerana Raja Muda dengan sendirinya akan mewarisi takhta kerajaan apabila Sultan mangkat. Dalam pergo-lakan ini Sultan Muhammad Shah telah melantik menantunya iaitu Raja Abdul Samad untuk mentadbir daerah Kuala Selangor.

Pada masa pemerintahan Sultan Muhammad Shah, negeri Selangor telah berpecah kepada lima bahagian iaitu Langat, Klang, Bernam, Lukut dan Selangor. Bahagian Selangor adalah daerah Kuala Selangor sekarang. Tiap-tiap bahagian diperintah oleh seorang raja.





Setelah Sultan Muhammad Shah mangkat pada tahun 1857 menantunya telah diangkat menjadi Sultan Selangor yang keempat. Walaupun telah menjadi Sultan, Sultan Abdul Samad tidak dapat memerintah kesemua daerah Selangor. Daerah Klang diperintah oleh Raja Abdullah, daerah

Bernam oleh Raja Hitam, daerah Lukut oleh Raja Bot dan daerah Kuala Selangor oleh Raja Muda Musa iaitu putera Sultan Abdul Samad sendiri. Hanya daerah Langat sahaja yang dapat dikuasai oleh baginda. Dalam pemerintahan baginda juga telah berlaku perang saudara antara Raja Mahadi dan Raja Abdullah. Perang ini berlarutan selama tujuh tahun.

Apabila Raja Mahadi dapat merampas pentadbiran Klang daripada Raja Abdullah, baginda telah bermusuh pula dengan Sultan Abdul Samad. Sultan

Abdul Samad kemudian melantik Tengku Kudin menjadi wakil baginda. Tengku Kudin adalah adik Sultan Kedah yang telah berkahwin dengan puteri Sultan Abdul Samad. Perlantikan Tengku Kudin mendapat tentangan hebat daripada semua kerabat Diraja Selangor. Ini menyebabkan perang saudara di Selangor berlarutan.

Meskipun demikian, Tengku Kudin telah banyak membuat pembaharuan dan kemajuan bagi negeri ini. Jalan raya telah dibina dan kawasan perlombongan bijih timah telah dimajukan. Selangor telah menjadi sekutu Negeri-negeri Selat dan menjadi bertambah masyhur. Peranan Tengku Kudin sebagai wakil raja adalah amat besar. Baginda telah berjaya menawan Kuala Selangor daripada kekuasaan Raja Mahadi. Kemudian dengan bantuan Yap Ah Loy, baginda telah





berjaya mendapatkan kembali Kuala Lumpur daripada tangan Raja Mahadi yang telah bersekutu dengan Raja Musa.

Apabila Inggeris campur tangan dalam pentadbiran negeri Selangor, berakhirlah tugas Tengku Kudin. Tengku Kudin meletakkan jawatan kerana tidak bersetuju dengan sikap *Bloomfield Douglas* iaitu Residen British di Selangor ketika itu. Baginda dibayar wang sagu hati sebanyak \$3000 dan diberi pencen bulanan. Sultan Abdul Samad kemudian telah melantik putera baginda iaitu Raja Musa sebagai Raja Muda Selangor.

Pada tahun 1895 dengan nasihat Residen British, Sultan Abdul Samad telah bersetuju menggabungkan Selangor dengan negeri Perak, Pahang dan Negeri Sembilan untuk membentuk Negeri-negeri Melayu Bersekutu.

Selepas Sultan Abdul Samad meninggal dunia, cucu baginda iaitu putera kepada

Raja Muda Musa yang bernama Raja Sulaiman telah dilantik menjadi Sultan. Baginda bergelar Sultan Alauddin Sulaiman Shah iaitu Sultan Selangor yang kelima. Semasa pemerintahan baginda, banyak kawasan baru telah dibuka dan dimajukan. Baginda juga sangat mengambil berat tentang kebaikan rakyat negeri Selangor. Pada tahun 1920 baginda telah melantik putera baginda iaitu Tengku Musauddin sebagai Raja Muda. Bagaimanapun pihak Inggeris tidak bersetuju dengan perlantikan tersebut.

Pada tahun 1934, pihak Inggeris telah melucutkan gelaran Raja Muda daripada Tengku Musauddin dengan alasan tingkah lakunya telah mencemarkan martabat raja. Sebenarnya alasan-alasan ini sengaja diada-adakan kerana Tengku Musauddin bukanlah seorang anak raja yang suka mengikut telunjuk Inggeris. Adinda baginda iaitu Tengku Alam Shah Putera telah dilantik menjadi Raja Muda yang baru. Pada hari kemangkatan Sultan





Alauddin Sulaiman Shah iaitu pada 31 Mac 1938, Tengku Alam Shah telah ditabalkan menjadi Sultan Selangor keenam dengan gelaran Sultan Hisyamuddin Alam Shah.

Pada 8 Disember 1941, Tanah Melayu telah diserang oleh tentera Jepun. Pemerintah Jepun telah melantik Tengku Musauddin menjadi Sultan Selangor ketujuh dan baginda membawa gelaran Sultan Musa Giatuddin Riayat Shah. Dengan itu Sultan Hisyamuddin Alam Shah telah terlucut jawatannya. Selama tiga setengah tahun pemerintahan Jepun di Selangor, Sultan Musa tidak diberi apa-apa kuasa. Semua hal-ehwal pentadbiran telah dijalankan oleh pihak Jepun.

Apabila Jepun kalah pada tahun 1945 Inggeris telah menguasai semula pemerintahan negeri Selangor. Ini bermakna Sultan Hisyamuddin dilantik sekali lagi menjadi Sultan. Baginda kemudian telah melantik puteranya iaitu Raja Abdul Aziz menjadi Raja Muda Selangor.

Sultan Hisyamuddin Alam Shah telah dilantik menjadi Yang di-Pertuan Agong Malaysia yang kedua dan memerintah dari 14 April 1960 hingga 1 September 1960. Kemangkatan baginda pada 1 September 1960, telah diganti oleh putera baginda Raja Abdul Aziz, menjadi Sultan Selangor kelapan. Raja Abdul Aziz telah memakai gelaran Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah apabila ditabalkan pada 3 September 1960.

Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah adalah Sultan Selangor yang masih memerintah sehingga sekarang. Baginda adalah seorang Sultan yang amat prihatin terhadap kebajikan rakyat dan sentiasa memberi teguran membina kepada rakyat. Selangor Darul Ehsan kini merupakan sebuah negeri yang maju dan makmur.

Ekonomi negeri Selangor bukan sahaja terletak pada kawasan perindustrian



## Kegiatan Ekonomi dan Pentadbiran



tetapi juga pada aktiviti-aktiviti lain yang menjadikan Selangor sebuah negeri yang kaya. Bidang pertanian telah memberi sumbangan yang sangat besar bagi kemajuan negeri Selangor.

Kawasan penanaman kelapa yang begitu luas terdapat di Sabak Bernam. Tanjung Karang pula terkenal sebagai pusat penanaman padi. Selain kelapa dan padi, kelapa sawit dan getah juga memberikan hasil yang lumayan kepada negeri ini. Ladang-ladang kelapa sawit yang terdapat di negeri Selangor telah membuka peluang pekerjaan bagi penduduk luar bandar.



Selain sumber pertanian, negeri Selangor juga kaya dengan hasil bijih timah. Kawasan perlombongan bijih yang utama terletak di Lembah Klang. Bijih timah merupakan hasil mineral yang banyak membantu dalam kemajuan ekonomi negeri Selangor pada suatu masa dahulu. Pada hari ini kegiatan melombong telah menjadi semakin berkurangan.

Sebagai pengeluar bijih timah yang terbesar pada suatu ketika dahulu, negeri Selangor dapat mengekalkan keupayaan menjadi pengeluar barang-barang pewter yang bermutu tinggi. Barang-barang pewter yang dikeluarkan oleh Royal Selangor adalah jenis yang terbaik di dunia. Kebanyakan pewter dieksport.

Dari segi pentadbiran pula, negeri Selangor Darul Ehsan mempunyai sistem pentadbiran yang kemas dan teratur. Pusat Pentadbiran Negeri terletak di Shah Alam. Bangunan setinggi dua puluh tingkat itu merangkumi Pejabat Raja Muda Selangor, Pejabat Menteri Besar, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Dewan Exco dan pejabat-pejabat Kerajaan Negeri.

Kerajaan negeri Selangor mempunyai sebuah perbadanan khas yang mengendalikan sektor pertanian iaitu Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS). PKPS sentiasa membantu para petani





untuk meningkatkan pendapatan dan membasmi kemiskinan. Antara usaha yang dijalankan adalah projek memproses makanan daripada bahan-bahan pertanian seperti koko, minyak kelapa sawit dan buah-buahan. Selain itu ada sebuah lagi perbadanan khas iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS). Perbadanan ini bertanggungjawab dalam kemajuan dan pembangunan negeri.

Kerajaan negeri telah menyediakan pelbagai kemudahan bagi membolehkan anak jati negeri Selangor mendapat pendidikan mengikut kemampuan masing-masing. Yayasan Selangor merupakan institusi kerajaan yang diberi tanggungjawab untuk menghulurkan bantuan kepada anak negeri, terutamanya bagi penduduk luar bandar. Bantuan-bantuan yang diselenggarakan oleh Yayasan Selangor adalah Skim Pinjaman Pelajaran di institusi pengajian tinggi dan latihan kemahiran. Sejajar dengan perkembangan dan

kemajuan dalam bidang pendidikan, Kerajaan Negeri juga telah menyediakan sebuah Perpustakaan Awam. Perpustakaan Awam Negeri Selangor merupakan perpustakaan yang terbesar di Malaysia.

Bagi pentadbiran hal-ehwal agama Islam pula, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah ditubuhkan. Jabatan ini menyediakan perkhidmatan yang berkaitan dengan orang Islam dari segi pelajaran, penerangan dan dakwah, baitulmal dan zakat, masjid dan tanah wakaf, munakahat, penguatkuasa, kehakiman dan fatwa.

Bahagian pelajaran agama bertanggungjawab mentadbir sekolah agama termasuk mengendalikan hal-hal yang bersangkutan dengan peperiksaan, kelengkapan bahan-bahan untuk pembelajaran, menyediakan tenaga pengajar dan lain-lain lagi. Bahagian ini juga menguruskan biasiswa kecil untuk pelajar



sekolah rendah dan menengah.



Bangunan Sultan  
Sallehuddin Abdur  
Aziz Syah Persekutuan  
Perbadanan Negeri Johor



## Keindahan Selangor Darul Ehsan



### • Shah Alam

Shah Alam adalah ibu negeri Selangor Darul Ehsan. Dengan perancangan yang teratur banyak rumah-rumah kediaman telah dibina di kawasan ini untuk menampung tempat tinggal bagi penduduk yang semakin bertambah.

Antara bangunan-bangunan yang menarik di Shah Alam ialah Bangunan

Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Istana Kayangan dan Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.



Keindahan Masjid Negeri Selangor ini dapat dilihat dari Lebuh raya Kuala Lumpur-Klang. Masjid ini merupakan masjid yang terbesar dan termahal di Asia Tenggara. Bangunan masjid negeri ini dilengkapi dengan segala keperluan moden. Ruang di dalam masjid ini boleh menampung kira-kira lima belas ribu jemaah. Kedudukan masjid ini pula di kelilingi taman tasik yang luas dan ini menyerlahkan lagi keindahan masjid berkenaan.



Tugu Peringatan Shah Alam



Bersebelahan Dewan Undangan negeri Selangor, terdapat pula Tugu Peringatan Shah Alam. Tugu ini menjadi mercu tanda kepada kawasan Shah Alam. Dua buah taman tasik di bandar ini dapat



menampung keperluan riadah penduduk setempat.

Jika melalui jalan-jalan di Shah Alam bukan sekadar kawasan-kawasan perindustrian dan perumahan sahaja yang dapat kita temui, malah kita juga akan dapat melihat Institut Teknologi MARA (ITM) yang tersergam indah di atas bukit melambangkan keunggulan sebagai pusat pengajian tinggi.

Sekiranya proses pemodenan dan kesibukan kota membosankan, para pengunjung boleh pergi ke Taman Pertanian Malaysia yang terletak di Bukit Cahaya Seri Alam. Di sini suasana tenang dan damai akan dapat dirasai oleh warga kota yang inginkan kedamaian dan menikmati keindahan alam semula jadi. Kicauan burung-burung seolah-olah mengucapkan selamat datang kepada setiap pengunjung yang mengunjungi taman pertanian ini.

Taman Pertanian Malaysia merupakan sebuah projek kerajaan negeri Selangor yang telah dibuka pada bulan Januari 1989. Kawasan tanah pertanian ini mempunyai keluasan 356 hektar, 60 hektar dikhususkan untuk projek penyelidikan pertanian yang meliputi sawah padi, kilang padi, kawasan ternakan, kolam ikan, ladang cendawan, ladang kelapa sawit, rempah-ratus dan juga herba.

Paling istimewa terdapat di taman ini adalah Rumah Empat Musim yang menelan belanja sebanyak RM9 juta. Tempat ini memberi peluang kepada anda yang tidak berpeluang ke luar negara mengalami empat musim itu iaitu musim panas, musim bunga, musim gugur dan musim dingin. Pada musim dingin, rumah ini akan dipenuhi dengan salji. Taman Pertanian Bukit Cahaya Seri Alam ini juga menyediakan rumah penginapan dengan kadar sewaan RM30 sehari.



Taman Pertanian  
Bukit Cahaya Seri  
Alam





### • Petaling Jaya

Tiada sesiapa yang menduga bahawa Petaling Jaya akan menjadi sepesat Kuala Lumpur. Bandar satelit ini merupakan kawasan perindustrian terpenting di negeri Selangor. Oleh sebab perkembangan yang begitu pesat di bandar ini, ramai orang luar berhijrah ke Petaling Jaya dan menjadikan bandar ini sebagai tempat kediaman mereka. Ini menyebabkan kawasan perumahan di Petaling Jaya sentiasa diperbesarkan dan ditambah dari masa ke semasa sehingga Petaling Jaya menjadi kawasan perumahan yang paling luas di Malaysia.



Kawasan-kawasan perumahan di sini terlalu luas. Oleh sebab itu orang luar yang datang sekali-sekala pasti akan menghadapi kesulitan untuk mencari tempat yang dituju. Terlalu banyak jalan besar dan kecil, menyebabkan nama-nama jalan terpaksa menggunakan huruf dan angka seperti SS2/60, Jalan 14/60 dan lain-lain.

Bandar Petaling Jaya dan kawasan sekitar sentiasa bersih dan terurus dengan baik. Pihak Majlis Perbandaran Petaling Jaya (MPPJ) sentiasa menjaga keadaan kawasan bandar ini supaya berada dalam keadaan yang bersih. Pokok-pokok yang merimbun ditanam di seluruh kawasan perumahan dan jalan-jalan besar.

Di Petaling Jaya terdapat banyak pusat pengajian tinggi swasta. Antara pusat-pusat pengajian itu ialah Institut Goon dan Kolej Stamford yang telah melahirkan ramai graduan berkualip di negara kita. Terdapat sebuah kampus cawangan Institut Teknologi MARA (ITM) yang terletak di Jalan Othman. Kampus ini menyediakan Kursus Kesetiausahaan Eksekutif, Sains Perpustakaan dan juga kursus-kursus luar kampus.

Banyak kompleks membeli-belah terdapat di Petaling Jaya dan kawasan sekitar. Antara yang tercantik dan termoden





Pusat Membeli-belah Subang Parade



adalah Metrojaya, Subang Parade dan Carefour. Jika mahu tawar-menawar dan membeli barang-barang murah dan

cantik para pengunjung boleh ke pasar lambak seperti di pekan Sungai Way. Di sini pakaian, kasut, beg-beg tangan, barang-barang keperluan harian dan sebagainya dapat dibeli dengan harga yang berpatutan. Ada kalanya barang-barang yang terjual di sini sama kualiti dengan yang dijual di pasar raya dan dapat dibeli dengan harga yang jauh lebih murah.



Sebuah kawasan yang baru yang dibuka berdekatan dengan Petaling Jaya kini menjadi tumpuan para penggemar sukan air. Sunway Lagoon merupakan sebuah taman air dan taman tema yang terletak di Bandar Sunway. Taman ini merupakan yang pertama di Malaysia, dibina di kawasan seluas 174 hektar dan

menelan belanja sebanyak RM540 juta.

Sunway Lagoon pada asalnya sebuah bekas lombong. Terdapat sebelas jenis permainan pacuan (*exciting rides*) dan permainan-permainan air yang lain di sini. Antara yang menarik minat penggemar air adalah kolam renang berombak seluas 2300 meter persegi iaitu dua kali saiz Kolam Renang Olimpik. Sesiapa yang berada di kolam renang berombak ini akan merasakan seolah-olah sedang menikmati percutian di pantai.

Satu lagi keistimewaan yang terdapat di Sunway Lagoon adalah Lazy River Ride iaitu sejenis alat pacuan yang bergerak perlahan di dalam sungai buatan sepanjang 300 meter. Gelongsor gergasi dan kemudahan menyelam juga terdapat di taman ini. keseronokan-keseronokan lain



Menikmati  
keseronokan per-  
mainan hebat di  
Sunway Lagoon





yang terdapat di sini ialah menaiki tikar terbang, melintasi jambatan gantung terpanjang di Asia dan lain-lain lagi.

Taman Tema Sunway Lagoon ini telah dibuka dengan rasmi pada bulan Oktober 1992. Taman tema ini dibina 140 kaki di bawah paras jalan oleh sebuah syarikat swasta iaitu Sunway Sdn. Bhd. Bayaran masuk yang dikenakan bagi orang dewasa ialah RM15 dan kanak-kanak berumur dari tiga hingga dua belas tahun hanya RM10 sahaja.

### • Klang

Klang merupakan Bandar Diraja bagi negeri Selangor. Pada suatu masa dahulu, Klang pernah menjadi ibu negeri Selangor. Kini Klang menjadi bandar yang ketiga besar di Selangor selepas Shah Alam dan Petaling Jaya. Kawasan bandar ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu Klang Utara dan Klang Selatan. Kedua-dua kawasan ini dipisahkan oleh Sungai

Klang dan dihubungkan pula oleh dua buah jambatan. Jambatan lama dikenali sebagai Jambatan Kota manakala jambatan baru ialah Jambatan Sultan Salahuddin.

Bandar Klang menyimpan banyak kisah sejarah silam. Dalam sejarah perintahan negeri ini, Klang telah menjadi rebutan tiga pihak iaitu antara Raja Abdullah, Raja Mahadi dan Tengku Kudin. Kesan sejarah yang masih terdapat di Klang adalah Kota Raja Mahadi yang terletak di Bukit Kota. Antara tempat-tempat menarik yang terdapat di sini ialah Istana Alam Shah, Masjid Sultan Sulaiman di Kampung Jawa dan Tugu berbentuk keris yang pasti ditemui oleh pengguna jalan raya yang datang dari arah Kuala Lumpur.



Kolej Islam Klang yang menempatkan pelajar-pelajar cemerlang juga terletak di



Bandar Klang. Kolej ini ditubuhkan pada 8 April 1955. Kolej ini terletak di bangunan istana yang telah diwakafkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Hisyamuddin Shah Al-Haj.

Satu perkara yang luar biasa tentang Bandar Klang adalah tentang ribuan burung gagak yang berterbangan. Ini menyebabkan Klang pernah diberi gelaran 'Bandar Gagak'.

#### **• Pelabuhan Klang**

Pelabuhan Klang terletak sembilan kilometer dari Bandar Klang dan merupakan pelabuhan yang terbesar dan terpenting di Malaysia. Pelabuhan Klang dilengkapi dengan dermaga sepanjang lima kilometer yang membolehkan aktiviti seperti mengangkut dan memunggah dagangan cecair dan

kering (berpukal) dijalankan dengan baik. Berjenis-jenis kapal dapat dikendalikan di pelabuhan ini.

Pelabuhan Klang terbahagi kepada dua kawasan operasi yang berasingan iaitu Pelabuhan Utara dan Pelabuhan Selatan untuk melicinkan lagi pentadbiran. Pelabuhan Utara mempunyai 18 buah dermaga yang mampu menempatkan kapal-kapal yang besar dan mencapai berat sehingga 60 000 tan. Pelabuhan ini juga mempunyai kemudahan-kemudahan terminal untuk kontena, dagangan am, kayu-kayan, dagangan cecair berpukal dan lapangan simpanan kontena. Pelabuhan Selatan pula mengendalikan dagangan cecair berpukal yang diimport atau dieksport.



### **• Kajang**

Kajang adalah bandar utama di daerah Ulu Langat. Bandar ini terletak kira-kira 25 kilometer dari Kuala Lumpur. Kajang



dikenali sebagai "Bandar Sate" kerana kelazatan sate yang dijual di Kajang. Walaupun Bandar Kajang kecil, tetapi penduduk di sekitar bandar ini semakin

bertambah dan bandar ini menjadi tumpuan kepada penggemar-penggemar sate. Sebuah stadium baru yang dibina di Kajang menjadi tumpuan peminat-peminat sukan terutama sekali sukan bola sepak.

### • Kuala Kubu

Kuala Kubu merupakan ibu daerah Ulu Selangor. Kuala Kubu terbahagi kepada dua iaitu Kuala Kubu Lama dan Kuala Kubu Baru. Mengikut sejarah negeri Selangor, Kuala Kubu merupakan kubu pertahanan Syed Masyhur iaitu seorang penyokong kuat Raja Mahadi yang berperang menentang Raja Abdullah dan Tengku Kudin. Kesan tinggalan kubu yang



bersejarah itu masih dapat dilihat hingga sekarang. Selain terkenal dengan kesan sejarah, bandar ini juga menjadi laluan orang ramai yang hendak ke pusat peranginan Bukit Fraser. Jarak di antara Bukit Fraser dengan Kuala Kubu adalah lebih kurang 47 kilometer. Di kawasan Kuala Kubu juga terdapat sebuah air terjun yang masih terpelihara daripada sebarang pencemaran. Di sini pengunjung dapat menghirup udara yang segar dan menikmati keindahan flora dan fauna.



*Kota Darul Ehsan*





### • **Kota Darul Ehsan**

Kota Darul Ehsan merupakan sebuah pintu gerbang yang menjadi tanda sempadan antara Wilayah Persekutuan dengan Kuala Lumpur. Kota ini mempunyai reka bentuk yang menarik. Salah satu ciri menarik yang terdapat pada reka bentuk kota ini adalah beberapa kubah yang melambangkan keagungan Islam sebagai agama rasmi negara ini.

### • **Pantai Morib**

Pantai Morib merupakan tempat perkelahan yang menarik di negeri Selangor. Keindahan pantai ini telah menarik ramai orang tempatan dan pelancong asing sebagai tempat perkelahan. Kemudahan-kemudahan asas seperti tempat penginapan, dewan-dewan untuk seminar dan sebagainya ada disediakan di pantai ini. Banyak gerai makanan terdapat di kawasan pantai untuk orang ramai menjamu selera.

## • Mimaland

Mimaland terletak di daerah Gombak dan berdekatan dengan sempadan Selangor-Pahang. Mimaland dibuka pada 6 Julai 1975 dan merupakan taman rekreasi yang damai. Kawasan seluas 133 hektar ini merupakan tanah kepunyaan sebuah anak syarikat Magnum Corporation.

Mimaland menawarkan pelbagai kemudahan beriadah seperti kolam renang, gelanggang tenis, trek basikal, dan sukan air. Selain itu terdapat taman bunga, zoo mini dan kawasan permainan kanak-kanak. Bagi mereka yang berhajat untuk bercuti di Mimaland, 24 buah motel dan chalet ada disediakan. Yang lebih menarik adalah chalet-chalet ini merupakan binaan terapung. Sebuah restoran terapung juga terdapat di sini.



*Kolam Renang di Mimaland*





### •Zoo dan Akuarium Negara

Zoo dan Akuarium Negara terletak di Ulu Klang. Beratus-ratus jenis binatang yang berasal dari dalam dan luar negara ditempatkan di sini. Antara binatang-binatang yang terdapat di Zoo Negara adalah monyet, buaya, ular, zirafah, gajah, harimau dan lain-lain lagi. Pengunjung-pengunjung Zoo Negara akan bertambah ramai ketika musim cuti sekolah.

Di Akuarium Negara begitu banyak spesies ikan dan hidupan air dapat kita lihat dengan jelas. Antara spesies ikan itu ialah ikan-ikan laut seperti ikan yu dan ikan-ikan sungai seperti ikan talapia dan baung. Pemandangan di dalam akuarium ini gelap dan hanya diterangi oleh kilauan cahaya dari akuarium supaya kita dapat menghayati hidupan yang unik.

### •Batu Caves

Batu Caves sangat terkenal di Selangor kerana masyarakat Hindu akan me-

nyambut perayaan Thaipusam di sini pada setiap tahun. Upacara menebus dosa diadakan dengan cara mencucuk besi-besi panas di bahagian-bahagian tubuh mereka. Mereka menjunjung kavadi yang dihias indah untuk dipersembahkan kepada Dewa Subramaniam. Terdapat 272 anak tangga yang perlu didaki sebelum sampai ke muka gua Batu Caves.



#### **• Tempat-Tempat Lain yang Menarik**

Selain daripada tempat-tempat yang telah dinyatakan tadi, terdapat beberapa kawasan perkelahan yang menarik di Selangor seperti Air Terjun Sungai Pinang, Air Terjun Tekala, Taman Rimba Templer dan Pantai Bagan Lalang. Air Terjun Sungai Pinang terletak di Batang Kali berhampiran dengan Genting Highlands.



Air Terjun Tekala pula terletak kira-kira 14 kilometer dari Pekan Semenyih iaitu di daerah Ulu Langat. Kawasan ini juga merupakan kawasan hutan simpanan negeri Selangor. Kawasan sekitarnya sentiasa dipelihara dan nama-nama pokok yang ditanam ditandakan untuk pengetahuan umum.

Taman Rimba Templer merupakan sebuah kawasan hutan lipur seluas 3,000 hektar. Taman ini terletak di Lebuh Raya Kuala Lumpur - Ipoh. Di kawasan hutan lipur ini terdapat Air Terjun Kancing yang menjadi tumpuan orang ramai untuk berkelah. Berhampiran dengan Taman Rimba Templer terdapat sebuah bukit batu kapur setinggi 335 meter yang dinamakan Bukit Takun.

Pantai Bagan Lalang pula terletak di antara dua kawasan pantai terkenal iaitu Morib dan Port Dickson. Pantai ini merupakan sebuah perkampungan nelayan yang menarik. Di sini terdapat sebuah jeti

tempat nelayan-nelayan mendaratkan hasil tangkapan.



## Ciri-ciri Budaya

Penduduk negeri Selangor terdiri daripada berbilang kaum dan agama. Selain orang Melayu, Cina dan India terdapat juga beberapa suku kaum yang berasal dari gugusan pulau-pulau Indonesia seperti orang Jawa, Mandailing, Banjar, Bugis dan lain-lain.

Tiada ciri-ciri budaya yang khusus bagi negeri ini. Budaya yang terdapat dalam masyarakat negeri Selangor hanyalah dari segi adat dan kebiasaan hidup. Pada dasarnya terdapat berbagai-bagi budaya yang berasaskan kepada kelompok kebudayaan Melayu.



Ciri budaya masyarakat Mandailing yang masih banyak diamalkan pada hari ini ialah dalam upacara perkahwinan. Setiap upacara yang dilakukan mempunyai pengertian tertentu yang dikaitkan



dengan pasangan pengantin. Dua butir telur yang digunakan dalam upacara menepung tawar membawa maksud supaya pasangan pengantin akan hidup bahagia.

Bagi golongan tua suku kaum Rawa, mereka masih mengamalkan Adat Memijak Tanah. Adat ini dilakukan kepada kanak-kanak yang baru pandai berjalan. Upacara ini dikendalikan oleh seorang bomoh dan dilakukan pada hari-hari tertentu. Bahan-bahan yang digunakan adalah tujuh jenis bunga pilihan, beras basah, beras kunyit, beras rendang dan bertih.



Masyarakat Jawa lebih terkenal dalam perubatan tradisional iaitu ubat jamu. Ubat jamu telah tersebar dalam masyarakat umum di negeri ini terutama di kalangan masyarakat Melayu.

Masyarakat keturunan Jawa pada umumnya masih menggunakan bahasa Jawa sebagai bahasa pertuturan di

rumah dan di kalangan mereka. Biasanya dalam jamuan-jamuan yang berhubung dengan adat istiadat atau keramaian, hidangan yang terkenal ialah nasi ambang.

Sebenarnya pelbagai bentuk dan corak kebudayaan yang wujud amnya adalah warisan budaya berbagai-bagai keturunan bangsa yang diamalkan oleh golongan masyarakat masing-masing. Sebagai rakyat Malaysia kita harus sentiasa menghormati ciri-ciri budaya yang berbeza-beza itu.

Pada hari ini negeri Selangor telah berkembang menjadi salah sebuah kawasan perindustrian yang termaju di Malaysia. Shah Alam, Petaling Jaya dan Sungai Way adalah tiga buah kawasan perusahaan yang terpenting di Malaysia. Di sinilah terdiri kilang-kilang memproses bahan mentah untuk dieksport dan kilang-kilang yang mengusahakan perusahaan ringan dan berat.

## Kesimpulan





Negeri Selangor mempunyai taraf ekonomi yang kukuh. Negeri ini merupakan saingan Bandar raya Kuala Lumpur dari segi infrastruktur, pendidikan dan kemodenan. Secara tidak langsung, taraf hidup penduduk Selangor juga semakin meningkat. Kawasan-kawasan baru di negeri ini sentiasa dibuka untuk tujuan perindustrian serta petempatan. Ini menjadikan Selangor sebuah negeri yang mempunyai penduduk paling ramai di Malaysia selepas Kuala Lumpur. Penghijrahan penduduk luar bandar ke bandar seperti Petaling Jaya, Shah Alam, Subang Jaya dan Klang menyebabkan sistem perhubungan diperbaiki. Kini jalan-jalan raya serta lebuh raya dilebarkan untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas.

Jika pada suatu ketika dahulu negeri Selangor hanya dikenali sebagai sebuah negeri perlombongan dan pertanian, kini telah sama sekali berubah wajah menjadi sebuah negeri yang lebih kukuh dalam bidang perindustrian.